

## KONSEP *AL-TAYSIR* DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN ISLAM

### The Concept of *al-Taysir* in Islamic Marriage Expenses

Syh Noorul Madihah Syed Husin<sup>1</sup>

Raihanah Azahari<sup>2</sup>

Asmak Ab Rahman<sup>3</sup>

#### ABSTRACT

*Marriage expenses among Muslims are increasingly more expensive and have a negative impact on their society. They have been burdened by an expense that is not in line with the tenets of Islam, which aim at simplifying the procedures of human life. This article will look into the concept of al-taysir in wedding expenses, so as to promote marriage in Islam as a simple and uncomplicated process, as long as it complies with Islamic law. This study examines and analyses text and documents related to the jurisprudence of wedding expenses. This article explores the concept of the al-taysir in wedding expenses. The results show*

---

<sup>1</sup> PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, madihah@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my

*that al-taysīr concept already exists in Islamic wedding expenses. The transparent approach of this concept in Islam encourages couples to manage their wedding expenses based on the ability of the couple and their families to provide a reasonable budget. In addition, Islam also promotes cooperation among Muslims in managing expenses. These findings can be a guide for wedding expenses for couples planning for marriage, in order to ensure spending in the course of marriage to be compliant with Islamic teaching.*

**Keywords:** marriage expenses, *al-taysīr* concept

## PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menekankan konsep *al-taysīr* dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ia merupakan manhaj al-Quran dan *al-Nabawī* yang banyak diterapkan dalam pelbagai tingkah laku manusia termasuk konteks ibadat, muamalat dan sebagainya. Penerapan konsep *al-taysīr* bukan sahaja akan memudahkan urusan penghambaan seorang mukallaf dalam bentuk ibadah, malah akan lebih memudahkan segala urusan kehidupan yang berbentuk keduniaan. Dalam urusan perbelanjaan bagi persediaan perkahwinan, konsep *al-taysīr* turut perlu diberi penekanan yang khusus bagi memudahkan urusan perkahwinan kerana ia merupakan satu tuntutan yang digalakkan dalam Islam.<sup>4</sup> Perkahwinan sememangnya memerlukan kepada peruntukan perbelanjaan, apabila pihak suami berkewajipan membayar mas kahwin kepada pihak isteri.<sup>5</sup> Selain itu, Islam juga meraikan sambutan perkahwinan apabila mensyariatkan pelaksanaan *walīmah al-‘urs* oleh pihak pasangan.<sup>6</sup> Kedua-dua pensyariatan ini sudah tentu akan melibatkan perbelanjaan daripada pihak pasangan.

<sup>4</sup> Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, vol. 3 (Qāhirah: Maktabah al-Misr, 1998), 30.

<sup>5</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10 (ed. ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turki dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Halw; Riyāḍ: Dār ‘Alam al-Kutub, t.t.), 97; Abū al-Hasan ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 9 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 393.

<sup>6</sup> Shams al-Dīn Muḥammad al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘ala al-Sharh al-Kabīr li Dirdīr*, vol. 2 (t.t.p: ‘Isa al-Bābī al-Halābī, t.t.), 337; Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad Al-Khāṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtaj ila Ma ‘rifah Ma ’āni Alfāz al-Minhāj*, vol. 4 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 404; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 192.

Perbelanjaan perkahwinan masa kini bukan lagi terbatas kepada perbelanjaan untuk mas kahwin dan *walīmah al-‘urs* sahaja. Malah kepelbagaiannya adat dan norma perkahwinan masyarakat setempat telah mewujudkan pelbagai bentuk elemen perbelanjaan. Perbelanjaan untuk sambutan perkahwinan yang pada dasarnya adalah berasaskan kepada pensyariatan *walīmah al-‘urs* tidak lagi menekankan konsep *al-taysīr*; malah semakin menyukarkan pihak pasangan. Masyarakat telah dibiasakan dengan trend perbelanjaan perkahwinan yang tinggi, hingga perbelanjaan tersebut dianggap sebagai satu beban kepada mereka yang ingin berkahwin. Masalah ini telah menjadi isu universal yang berlaku di serata dunia, tanpa mengenal agama, budaya dan bangsa. Kajian di Morocco telah menemukan masyarakat telah menghabiskan sejumlah wang yang begitu besar iaitu dalam lingkungan antara 50,000 NOK (RM 26,517.81) hingga lebih daripada 80,000 NOK (RM 42,428.50) sebagai persediaan bagi mengadakan majlis perkahwinan. Bagi menyediakan kos tersebut, seorang bapa terpaksa menabung sejak anak perempuan mereka masih kecil, dan ada yang terpaksa meminjam daripada bank.<sup>7</sup> Malah menurut Vanessa Maher, segolongan bapa telah mengakui bahawa mereka terpaksa menanggung hutang selama setahun selepas anak perempuan mereka berkahwin.<sup>8</sup> Di India pula, majoriti sampel dari sebuah kajian telah menghabiskan sejumlah enam kali ganda lebih tinggi dari gaji tahunan mereka untuk menampung kos perbelanjaan ‘*dowry*’.<sup>9</sup>

Apa yang berlaku di Morocco dan India serta negara-negara lain, turut menular dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim tempatan. Kewujudan kepelbagaiannya adat resam perkahwinan masyarakat Melayu seperti majlis merisik,<sup>10</sup> pemberian wang hantaran kepada keluarga perempuan dan pertukaran hadiah hantaran<sup>11</sup> telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan. Walaupun hanya adat, namun ia telah menjadi satu kemestian, bahkan perkahwinan dianggap tidak sempurna tanpa melalui adat-

<sup>7</sup> Jalila Hajji, ‘A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions And Modernity: The Role of Women in The Preparations,’ (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008), 35-36.

<sup>8</sup> Vanessa Maher, *Women and Property in Morocco* (Cambridge: Cambridge University Press, 1974), 165.

<sup>9</sup> Francis Bloch, Vijayendra Rao dan Sonalde Desai, ‘Wedding Celebrations as Conspicuous Consumption: Signaling Social Status in Rural India,’ *Journal of Human Resources* 39/3 (Sum 2004), 8.

<sup>10</sup> Halimah Abdul Rahman, *Pegangan Adat Turun Temurun* (Kuala Lumpur: Penerbit Sinar Cemerlang, 2010), 3-4.

<sup>11</sup> Iman Ahmad, *Adat Budaya* (Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise, 2010), 10-11.

adat tersebut.<sup>12</sup> Kos persediaan bagi rata-rata perkahwinan di Malaysia masa kini boleh mencecah ribuan ringgit yang melibatkan pelbagai pemberian tidak wajib seperti belanja hangus, wang hantaran dan pemberian.<sup>13</sup> Nilai adat wang hantaran dilihat semakin meningkat dari masa ke semasa. Menurut Fatimah Daud, budaya menetapkan wang hantaran tinggi telah berlarutan dari tahun 1990-an, dan keadaan itu semakin membimbangkan dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.<sup>14</sup> Hasil kajian di utara semenanjung mendapati majoriti responden telah menyatakan kadar yang paling munasabah bagi wang hantaran adalah di antara RM5000 hingga RM8000.<sup>15</sup> Ini menunjukkan rata-rata masyarakat telah melihat wang hantaran perlu diletakkan dengan nilai yang tinggi. Di samping pelbagai adat resam perkahwinan, norma perkahwinan yang dilihat sentiasa berkembang dalam masyarakat telah merubah gaya hidup dan citarasa dalam urusan sambutan perkahwinan. Masyarakat telah didedah dengan pelbagai kemudahan untuk menjayakan sambutan perkahwinan termasuklah penawaran pakej-pakej perkahwinan. Kekangan masa, tenaga dan kepakaran yang dihadapi oleh pasangan dan pihak keluarga telah mendorong masyarakat khususnya bagi kumpulan kelas menengah lebih mudah untuk menyerahkan urusan sambutan majlis perkahwinan kepada pihak profesional sebagai perancang perkahwinan.<sup>16</sup> Hasilnya, nilai perdagangan semakin terserlah dalam majlis perkahwinan<sup>17</sup> dan ia sudah pasti melibatkan perbelanjaan yang jauh lebih tinggi dari majlis perkahwinan yang biasa diadakan oleh masyarakat desa atau kampung.

Fenomena perbelanjaan perkahwinan seperti ini boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif. Ia bukan hanya menafikan konsep *al-taysīr*; malah akan membebankan masyarakat khususnya pasangan yang akan berkahwin dengan bebanan kewangan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Koid Swee Lian, antara punca utama mereka yang terperangkap dalam belenggu hutang di Malaysia hari ini adalah melibatkan pinjaman bagi menguruskan perbelanjaan perkahwinan.<sup>18</sup>

<sup>12</sup> Zainunnisa Abdul Rahman, ‘Mahar in Malaysia: The Law Revisited,’ *Shariah Law Reports* 4 (Okttober Disember 2007), 18.

<sup>13</sup> Zainunnisa Abdul Rahman, ‘Mahar in Malaysia: The Law Revisited,’ 16.

<sup>14</sup> ‘Hantaran Kahwin Tinggi Punca Ramai Membujang,’ *Kosmo*, 10 Ogos 2013, 2.

<sup>15</sup> Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab, ‘Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak,’ *Jurnal Fiqh* 6 (2009): 123.

<sup>16</sup> Fatimah Abdullah, ‘Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,’ *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27/1 (2009): 106.

<sup>17</sup> Fatimah Abdullah, ‘Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,’ 106.

<sup>18</sup> ‘Pengantin Dibelenggu Hutang,’ *Laman AKPK*, <http://www.akpk.org.my/happenings/news/press-release/id/486/pengantin-dibelenggu-hutang>, 11 Disember 2012, dicapai pada 10 Mac 2013.

Akhbar *Kosmo* turut melaporkan beberapa pengakuan oleh pasangan yang baharu berkahwin tentang pinjaman yang terpaksa dilakukan sehingga menjangkau puluhan ribu ringgit.<sup>19</sup> Menurut seorang kaunselor di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) cawangan Kuala Terengganu, hasil daripada beberapa sesi kaunseling bersama pelanggan di AKPK, sememangnya terdapat sesetengah mereka yang mengakui telah membuat pinjaman sebelum memasuki alam rumah tangga kerana ingin menampung sebahagian dari kos perbelanjaan perkahwinan.<sup>20</sup> Di Amerika Syarikat, hutang dalam perkahwinan yang berpunca dari pembiayaan kos perkahwinan telah menjadi salah satu isu utama dalam kalangan pasangan berkahwin.<sup>21</sup> Trend berhutang seperti ini boleh menjelaskan kesejahteraan rumah tangga dan menimbulkan pertelingkahan antara pasangan suami isteri,<sup>22</sup> serta berpotensi untuk menjadi punca stress.<sup>23</sup> Selain fenomena berhutang, perbelanjaan perkahwinan yang tinggi juga akan semakin menyukarkan urusan perkahwinan kepada golongan muda. Pasangan lelaki khususnya terpaksa berfikir beberapa kali sebelum memberi persetujuan untuk berkahwin dan mengambil masa yang lama bagi menyimpan wang sebelum boleh mendirikan rumah tangga.<sup>24</sup> Kesannya kaum belia semakin khuatir untuk berkahwin pada usia muda,<sup>25</sup> dan apa yang lebih membimbangkan adalah timbulnya trend untuk hidup membujang atas alasan tidak berkemampuan untuk memenuhi kos perbelanjaan. Situasi seperti ini telah lama berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Timur Tengah. Ketinggian nilai mas kahwin dan bebanan bagi persediaan sambutan majlis perkahwinan boleh menyebabkan sesetengah individu mengambil keputusan untuk tidak berkahwin.<sup>26</sup> Dalam satu kajian yang dijalankan kepada pelajar dari Universiti King Abdul Aziz di Madinah, rata-rata responden sama ada lelaki mahu pun perempuan telah menyatakan ketinggian mas kahwin dan

<sup>19</sup> ‘Pinjam RM 85,000 untuk Kahwin,’ *Kosmo*, 11 Ogos 2013, 2.

<sup>20</sup> Saidi Ya’acob (Credit Counsellor, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit cawangan Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 14 Mac 2013.

<sup>21</sup> Todd Outcalt, *Your Beautiful Wedding on Any Budget* (Illinois: Sourcebooks Casablanca, 2009), 4.

<sup>22</sup> Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, *Money Sense Getting Smart with Your Money* (Kuala Lumpur: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2008), 109.

<sup>23</sup> Patricia Drentea, ‘Age Debt and Anxiety,’ *Journal of Health and Social Behavior* 41/4 (2000): 445.

<sup>24</sup> Haslina Hassan dan Ann Wan Seng, *Wanita dan Perkahwinan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 63.

<sup>25</sup> Fatimah Abdullah, ‘Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,’ 106.

<sup>26</sup> Muhammad ‘Uqlah, *Niżām al-Usrah fī al-Islām*, vol. 1 (‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, 2000), 102-108.

peningkatan bebanan perbelanjaan perkahwinan merupakan dua sebab paling utama berlakunya trend membujang dalam kalangan pemuda hari ini.<sup>27</sup> Kajian di Jordan pula mendapati antara punca utama peningkatan umur purata perkahwinan di sana iaitu 28.1 tahun bagi tahun 2002 adalah masalah kewangan yang melibatkan bebanan kos mas kahwin dan majlis perkahwinan.<sup>28</sup> Hal yang sama tidak mustahil menjadi alasan kepada trend kahwin lewat di Malaysia, memandangkan umur min perkahwinan pertama bagi golongan lelaki Melayu semenanjung telah meningkat dari 27.9 tahun pada tahun 2000 kepada 28.8 tahun pada tahun 2004.<sup>29</sup>

Kajian-kajian sebelum ini telah memperlihatkan pelbagai penulisan tentang konsep *al-taysīr*. Kajian lebih tertumpu kepada prinsip *al-taysīr* dalam syariat Islam dan pemakaianya dalam hukum hakam, khususnya hukum fiqh. Al-Hafnawī dalam penulisannya telah mengemukakan sandaran utama konsep *al-taysīr* yang dibawa dalam Islam. Sandaran yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis itu secara jelas memaparkan keperluan pemakaian *al-taysīr* dalam pelbagai aspek kehidupan. Menurut beliau, antara faktor keperluan konsep ini adalah kerana wujudnya kuasa pemilihan (*al-ikhtiyār*) kepada manusia dan berlakunya situasi keterpaksaan (*al-id̄irār*).<sup>30</sup> Dalam konteks fatwa pula, pemakaian konsep *al-taysīr* adalah diperlukan kerana disebabkan beberapa faktor, antaranya berlaku perubahan masa dan tempat, perkembangan teknologi semasa serta keperluan meraikan *maslahah* dan adat masyarakat setempat.<sup>31</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī pula telah membahaskan *al-taysīr* dalam skop fiqh, usul fiqh dan keilmuan. Dalam konteks fiqh, *al-taysīr* perlu diberi keutamaan pada cara untuk memudahkan masyarakat dalam memahami hukum fiqh dan juga untuk mengaplikasikan hukum tersebut.<sup>32</sup> Sebuah kajian yang lebih terperinci dalam membincangkan pemakaian konsep *al-taysīr* dalam pelbagai aspek ibadat, *kaffārah*, muamalat dan pesalah (*mudhniḥ*) telah dilakukan oleh Faraj

<sup>27</sup> ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn al-Nawwāb, *Ta’akhkhūr Sinn al-Zawāj* (Riyāḍ: Dār al-‘Asimah, 1415H), 172-173.

<sup>28</sup> Anas Muṣṭafā Abū ‘Atā’, ‘Miqdār al-Mahr wa Sulṭah Walī al-Amr fī Tahdīdih: Dirāsah Fiqhīyyah,’ *Jurnal al-Mannarah* 12/3 (2006): 30.

<sup>29</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>.

<sup>30</sup> Manṣūr Muḥammad Manṣūr al-Hafnawī, *al-Taysīr fī al-Tashrī‘ al-Islāmī* (Qāhirah: Matba‘ah al-Amanah, 1991), 49-159.

<sup>31</sup> Nashwan ‘Abduh Khālid al-Makhlāfī & Amin Ahmad al-Nahārī, ‘Aṣbāb al-Taysīr fī al-Fatwa wa Tatbiqatuhā al-Mu’āsirah,’ *Jurnal Fiqh* 8 (2011): 141-149.

<sup>32</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Taysīr al-Fiqh li al-Muslim al-Mu’āsir fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999), 16-24.

‘Alī al-Faqīh Husayn. Dalam aspek muamalat manusia, beliau turut menyentuh tentang penerapan *al-taysīr* dalam hubungan kekeluargaan termasuk anjuran mempermudahkan urusan mas kahwin. Menurut beliau, meski pun ulama fiqh berbeza pandangan dalam menyatakan kadar minimum mas kahwin, namun mereka sekata dalam isu anjuran mempermudahkan mas kahwin.<sup>33</sup>

Secara umumnya, penulisan-penulisan berkaitan konsep *al-taysīr* ini tidak memfokuskan kepada isu-isu perkahwinan khususnya dalam skop perbelanjaan perkahwinan. Namun, perbahasan tentang keperluan konsep ini pernah disentuh oleh penulis-penulis semasa secara tidak langsung ketika membincangkan tentang isu nilai mas kahwin dan bebanan persiapan majlis perkahwinan yang semakin tinggi. Muhammad ‘Uqlah<sup>34</sup> dan ‘Abd al-Karīm Zaydān<sup>35</sup> misalnya pernah mengemukakan pandangan agar penetapan mas kahwin tidak diletakkan dengan kadar yang tinggi kerana ia boleh menyukarkan pihak pasangan untuk berkahwin. Meski pun penulisan-penulisan tersebut ada menyatakan tentang anjuran Islam supaya memudahkan urusan penetapan mas kahwin melalui hadis Rasulullah SAW, namun mereka mengulasnya secara umum tanpa mengaitkan konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan tersebut. Begitu juga dengan perbahasan dalam isu bebanan persiapan majlis perkahwinan. Fayiz Fayiz al-Tamr dalam penulisan akademiknya di peringkat sarjana telah membincangkan isu bebanan perbelanjaan perkahwinan yang terlalu tinggi di Kota Damshiq. Pengulasan yang lebih kepada konteks sosial, telah memaparkan realiti bebanan perbelanjaan perkahwinan yang terpaksa ditanggung oleh pasangan.<sup>36</sup> Kajian dalam ruang lingkup sains sosial seperti ini turut pernah dilakukan oleh Jalila Hajji,<sup>37</sup> Francis Bloch bersama rakan-rakannya<sup>38</sup> dan Fatimah Abdullah.<sup>39</sup> Namun penulisan mereka hanya memaparkan isu yang berlaku dalam masyarakat berkaitan corak persiapan perkahwinan semasa dan secara tidak langsung turut menyentuh bebanan perbelanjaan bagi persiapan

<sup>33</sup> Faraj ‘Alī al-Faqīh Ḥusayn, *Maẓāhir al-Taysīr wa Raf’ al-Haraj fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Damshiq: Dār Qutaybah, 2005), 288-289.

<sup>34</sup> Muhammad ‘Uqlah, *Nizām al-Usrah fī al-Islām*, vol. 2, 225-232.

<sup>35</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufassal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, vol. 7 (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2000), 64-67.

<sup>36</sup> Fayiz Fayiz al-Tamr, ‘Takalif al-Zawāj wa Takwin al-Usrah fī Madīnah al-Damshiq: Dirāsah Maydaniyyah,’ (Tesis Sarjana, Universiti Damshiq, 2005).

<sup>37</sup> Jalila Hajji, ‘A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions and Modernity: The Role of Women in The Preparations,’ (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008).

<sup>38</sup> Francis Bloch, Vijayendra Rao dan Sonalde Desai, ‘Wedding Celebrations as Conspicuous Consumption: Signaling Social Status in Rural India.’

<sup>39</sup> Fatimah Abdullah, ‘Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,’ 97-107.


tersebut. Pengulasan dalam konteks pandangan syarak, khususnya dari aspek penerapan konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan perkahwinan tidak dibentang dan diulas oleh setiap penulis.

Situasi yang dipaparkan di atas telah menggambarkan bahawa perbelanjaan perkahwinan masa kini telah menekan dan membebankan pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga. Perkahwinan pada asalnya merupakan ibadat yang amat digalakkan khususnya kepada kaum muda, semakin disukarkan pelaksanaannya. Apa yang berlaku dilihat semakin tidak selari dengan konsep *al-taysīr* yang dianjurkan dalam Islam, khususnya dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan. Hasil daripada sorotan terhadap kajian-kajian lepas turut memaparkan kekurangan kajian tentang *al-taysīr* dalam skop perbelanjaan perkahwinan. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengupas konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan perkahwinan Islam bagi mengetengahkan manhaj yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW bagi menguruskan pebelanjaan perkahwinan. Melalui kaedah dokumen analisis terhadap karya berkaitan *al-taysīr* dan perbelanjaan perkahwinan, artikel ini akan menjelaskan kedudukan *al-taysīr* dalam Islam dan penerapannya dalam perbelanjaan perkahwinan. Berdasarkan konsep umum *al-taysīr* yang telah dikemukakan melalui sumber primer al-Quran dan hadis serta penerapannya dalam syariat Islam, sebuah konsep perbelanjaan perkahwinan berteraskan *al-taysīr* akan dikemukakan. Selain berpandukan kepada konsep umum ini, sorotan terhadap elemen-elemen perbelanjaan perkahwinan yang wujud dalam Islam turut dijadikan asas dalam mengemukakan konsep tersebut. Konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan perkahwinan ini adalah penting untuk diketengahkan kepada masyarakat bagi membendung segala masalah yang berpunca daripada trend perbelanjaan perkahwinan yang tinggi pada masa kini.

## KONSEP AL-TAYSĪR DALAM SYARIAT ISLAM

*Al-Taysīr* dalam bahasa Arab merupakan kata terbitan yang memberi maksud mudah atau senang.<sup>40</sup> Ia juga disebut sebagai *al-layn*, *al-tashīl*, *al-tasāhūl* dan *al-tasāmūh*. Penggunaan terma *al-taysīr* dalam al-Quran merujuk kepada dua konteks iaitu memudahkan ke arah kebaikan dan juga ke arah keburukan. Firman Allah SWT:

<sup>40</sup> Muhammad Ibn Mukrim Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 5 (Beirūt: Dār al-Šādir, t.t.), 295; Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab, *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī* (t.t.p.: Larus, t.t.), 1342.



‘Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga).’

(Surah al-Layl, 92: 7)



‘Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.’

(Surah al-Layl, 92: 10)

Perkataan *al-taysīr* dalam ayat ke-7 digunakan untuk kebaikan, manakala pada ayat ke-10, ia digunakan untuk keburukan.<sup>41</sup> Ini menggambarkan dari segi bahasa, *al-taysīr* boleh digunakan untuk memudahkan sesuatu urusan sama ada ke arah kebaikan atau keburukan.

*Al-Taysīr* merupakan manhaj al-Quran dan *al-Nabawī*. Rasulullah SAW telah mendidik para sahabat agar menggunakan prinsip ini sama ada secara peribadi mahu pun dalam bentuk kelompok.<sup>42</sup> Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menganjurkan konsep ini dalam menjalankan kehidupan seharian, sama ada dalam konteks ibadat, muamalat dan sebagainya. Antara firman Allah SWT berkaitan perkara ini adalah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

‘Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.’

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Secara khususnya ayat ini telah membincangkan hukum kelonggaran dalam puasa. Namun ayat ini secara umumnya menunjukkan Allah SWT tidak ingin menyusahkan hamba-Nya dalam melaksanakan syariat Islam, malah ingin memberi kemudahan, kebaikan dan manfaat. Konsep memudahkan merupakan satu asas dalam agama, dan ayat ini telah dijadikan dasar utama dalam penetapan kaedah *al-masyaqqah tajlīb al-taysīr*.<sup>43</sup> Dalam ayat yang lain, Allah SWT sekali lagi menerangkan kehendak-Nya:

<sup>41</sup> Muhammad Ibn Mukrim Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 5, 295.

<sup>42</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Syārī’ah Bayna al-Maqāṣid al-Kulliyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz’iyyah* (Qāhirah: Dār al-Shurūq, 2006), 151.

<sup>43</sup> Muhammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur’ān al-Hakīm*, vol. 2 (Qāhirah: Dār al-Manār, 1947), 164.

٢٨ ﴿ يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخْفِقَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ۚ ۝

“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.”

(Surah al-Nisā’ 4: 28)

Ayat ini secara jelas menunjukkan kehendak Allah SWT untuk memudahkan hamba-Nya dalam melaksanakan syariat Islam dan meninggalkan segala larangan-Nya, bersesuaian dengan kedudukan manusia sebagai makhluk yang lemah.<sup>44</sup> Seterusnya, Allah SWT berfirman lagi:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”

(Surah al-Hajj 22: 78)

Dalam ayat di atas, Allah SWT telah menyatakan segala apa yang ditaklifkan kepada manusia adalah sesuatu yang berada di bawah batasan kemampuan mereka. Dia sesekali tidak akan mewajibkan hamba-Nya dengan sesuatu yang berat dan tidak mampu dilakukan oleh mereka, melainkan akan disediakan jalan keluar.<sup>45</sup>

Selain al-Quran, Rasulullah SAW turut memaparkan beberapa buah hadis yang mementingkan konsep *al-taysīr* dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai mukallaf. Baginda pernah bersabda dalam beberapa buah hadis, antaranya:

إِنَّ الدِّينَ يَسِيرٌ

“Sesungguhnya agama ini adalah mudah.”<sup>46</sup>

<sup>44</sup> Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣīm*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Fikr, 1998), 541.

<sup>45</sup> Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣīm*, vol. 3, 262.

<sup>46</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb al-Dīn Yusr, no. hadith 29. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, ‘Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,’ dalam Ṣāliḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (ed.), *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 5.

Sabda baginda lagi:

يسروا ولا تعسروا

“*Permudahkanlah urusan kamu dan janganlah menyukarkannya.*”<sup>47</sup>

Kedua-dua hadis di atas dengan nyata menunjukkan Islam merupakan agama yang ingin mempermudahkan urusan umatnya. Menurut Imām Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Islam adalah agama yang mempunyai konsep kesenangan dan kemudahan, berbeza dengan agama-agama sebelum kedatangan Islam. Sebagai contoh dalam Islam, taubat boleh diterima dengan menjauhi dosa yang telah dilakukan, berazam untuk tidak melakukannya lagi dan menyesal atas perbuatan tersebut. Adapun taubat sebelum kedatangan Islam adalah dengan cara yang melampau, apabila mereka yang bersalah mesti membunuh diri bagi tujuan menebus dosa.<sup>48</sup> Dalam menjalankan urusan sehari-hari, Rasulullah SAW lebih gemar untuk melakukan perkara yang lebih mudah dan senang untuk diuruskan. Saidatina Aisyah R.A. pernah meriwayatkan sebuah hadis:

ما خير رسول الله بين أمرتين قط إلا أخذ أيسرهما مالم يكن إثما

“Rasulullah tidak memilih ketika menentukan antara dua perkara, melainkan baginda mengambil perkara yang lebih mudah, selagi mana ia tidak termasuk dalam dosa.”<sup>49</sup>

Pemilihan antara dua perkara yang dimaksudkan dalam hadis di atas adalah perkara berkaitan dengan urusan dunia. Ini kerana perbuatan Rasulullah SAW berkaitan agama, tidak akan ada padanya dosa.<sup>50</sup> Ini bermakna, dalam melakukan urusan dunia, Rasulullah SAW tidak akan menyusah dan membebangkan dirinya untuk melakukan sesuatu perkara, selagi mana ada perkara lain yang lebih mudah untuk dilaksanakannya.

<sup>47</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Qawl al-Nabi: Yassirū wa lā Tu’assirū, no. hadith 6125. Lihat al-Bukhārī, ‘Šaḥīḥ al-Bukhārī,’ dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 516.

<sup>48</sup> Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Šaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1, (ed. ‘Abd al-‘Azīz Bāz dan Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī; Qāhirah: Maktabah Misr, 2001), 140.

<sup>49</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Qawl al-Nabi: Yassirū wa lā Tu’assirū, no. hadith 6126. Lihat al-Bukhārī, ‘Šaḥīḥ al-Bukhārī,’ dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 516.

<sup>50</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Šaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 6, 804.

Dari aspek pelaksanaan syariat Islam, *al-taysīr* merujuk kepada berpegang kepada hukum hakam agama sepetimana yang dikehendaki oleh Allah SWT, dan beramat dengannya melalui konsep mempermudahkan sebagaimana yang ditunjukkan oleh manhaj *al-Nabawī*.<sup>51</sup> Ia merupakan salah satu ciri atau keistimewaan syariat Islam.<sup>52</sup> Dalam membincangkan konsep ini, Ibn ‘Ashūr telah menerangkannya dengan menggunakan terma *al-samāḥah*. Ia merujuk kepada memudahkan sesuatu perkara yang dianggap sukar atau susah untuk dilaksanakan oleh manusia.<sup>53</sup> Menurut beliau, penekanan konsep *al-taysīr* atau *al-samāḥah* dalam syariat Islam adalah bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama fitrah. Secara semulajadinya, jiwa manusia lebih cenderung kepada sesuatu yang mudah dan berusaha untuk mengelakkan dari sebarang kesusahan dan kesukaran. Islam yang didatangkan oleh Allah SWT merupakan sebuah syariat untuk semua umat dan akan berkekalan buat selamanya. Justeru, dengan meraikan konsep *al-taysīr* dan mengelakkan dari sebarang kesukaran, pelaksanaan syariat Islam adalah selari dengan fitrah dan kehendak manusia, dan ia boleh dilaksanakan dengan sempurna oleh semua lapisan mukallaf.<sup>54</sup> Menurut Imam al-Shāṭibī pula, pentaklifan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada setiap mukallaf bukan bertujuan untuk menyusah dan membebankan mereka.<sup>55</sup> Bahkan, syariat Islam sentiasa menghindarkan mukallaf dari sesuatu bebanan yang berat bagi mengelakkan kebosanan dan rasa benci terhadap pentaklifan. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan daripada mengganggu tugas-tugas kehidupan yang lain.<sup>56</sup> Pentaklifan dengan sesuatu yang bersesuaian dengan kemampuan manusia merupakan salah satu tanda kewujudan *al-taysīr* dalam syariat Islam.<sup>57</sup> Setiap mukallaf tidak akan dibebankan dengan satu perkara luar dari batasan kemampuan mereka. Ini adalah kerana antara

<sup>51</sup> ‘Umār ‘Abd Allāh Kāmil, *al-Rukhsah al-Shar‘iyah fī al-Uṣūl wa al-Qawā’id al-Fiqhīyyah* (Jeddah: al-Maktabah al-Makkiyyah, 1420H), 47.

<sup>52</sup> ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Muḥāḍarah fī al-Sharī‘ah al-Islāmīyyah wa Fiqhuhā wa Maṣādiruhā* (t.t.p.: Dār al-Salām, 1990), 16.

<sup>53</sup> Muḥammad Tāhir Ibn ‘Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmīyyah* (ed. Muḥammad al-Tāhir al-Maysawī; ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 2001), 269.

<sup>54</sup> Muḥammad Tāhir Ibn ‘Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmīyyah*, 271.

<sup>55</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, vol. 2 (Jeddah: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 210.

<sup>56</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 233.

<sup>57</sup> Luqmān ‘Abd al-Salām, ‘al-Taysīr fī al-Ijtihād wa al-Iftā’: Fahmuhū wa Ḏawābiṭuhū ‘alā Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah: Dirāsah Taṭbīqiyyah ‘alā Daw’ Ba’ḍ al-Qaḍāyā al-Mu’āşirah,’ (Kertas kerja dibentangkan dalam Mu’tamar al-‘Alami an al-Ijtihād wa al-Iftā’ fī al-Qarn al-Hādī wa al-‘Isyrin: Tahaddiyyāt wa Afāq di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, 12-14 Ogos 2008), 2:412.

syarat sah taklif adalah perkara yang ditaklifkan mestilah berada dalam batasan kemampuan mukallaf.<sup>58</sup> Penetapan syarat ini menggambarkan apa yang ditaklifkan oleh Allah SWT kepada mukallaf adalah selari dengan tahap kemampuan mereka. Apabila ia selari, pelaksanaannya sudah tentu merupakan satu perkara yang mudah dan tidak menyusahkan.

Penerapan konsep *al-taysīr* dapat dilihat dalam penetapan hukum-hukum fiqh. Pensyariatan rukhsah dalam beberapa hukum fiqh seperti dalam bab solat dan puasa<sup>59</sup> jelas menggambarkan kelonggaran akan diberikan kepada mukallaf yang tidak berkemampuan melaksanakan ibadat secara sempurna atas keuzuran-keuzuran tertentu. Walaupun Islam telah mentaklifkan pelbagai hukum kepada mukallaf khususnya dalam bidang fiqh, namun hukum-hukum tersebut diberi kelonggaran dari sudut pelaksanaan sekiranya apa yang ditaklifkan itu melampaui tahap kemampuan seseorang mukallaf. Selain dalam bidang fiqh, konsep ini turut dijadikan asas oleh para ulama dalam pembinaan kaedah-kaedah fiqh. Terdapat pelbagai kaedah fiqh yang mengambil kira unsur keringanan yang perlu diberikan kepada mukallaf apabila berada dalam keadaan-keadaan tertentu. Antaranya kaedah *al-masyaqqah tajlib al-taysīr* (kesukaran akan mengundang kemudahan), *idha dāqa al-amr ‘ittasa‘a* (jika sesuatu urusan terlalu sempit, maka perlu diperluaskan), *al-darūrah tubīh al-mahzūrāt* (keadaan darurat akan mengharuskan perkara yang haram) dan *al-haraj marfu‘* (perkara sukar akan dihilangkan).<sup>60</sup> Kaedah-kaedah ini secara umumnya telah menolak kesusahan dan kesukaran yang boleh berlaku pada manusia serta mengantikannya dengan sesuatu yang lebih mudah. Ini menunjukkan Islam amat menjaga kemaslahatan umatnya dengan menghindarkan dari sebarang kesusahan dan apabila elemen sukar wujud dalam sesuatu pentaklifan, Islam akan menyediakan alternatif tertentu bagi memudahkan pelaksanaan hukum tersebut.

<sup>58</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2009), 60.

<sup>59</sup> Luqmān ‘Abdal-Salām, ‘al-Taysīr fī al-Ijtihād wa al-Iftā’: Fahmuhū wa Ḏawābiṭuhū ‘alā Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah: Dirāsah Taṭbīqiyyah ‘alā Daw’ Ba’d al-Qaḍāyā al-Mu’āṣirah,’ 412-413.

<sup>60</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ al-Shāfi‘iyah*, vol. 1 (ed. Muḥammad Muḥammad Tamir dan Hafiz ‘Ashūr Hafiz; Qāhirah: Dār al-Salām, 2004), 194-220.

## ANJURAN *AL-TAYSIR* DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN

Bersesuaian dengan kedudukan perkahwinan sebagai akad yang akan menghasilkan pelbagai bentuk hak dan tanggungjawab berbentuk material,<sup>61</sup> ia sudah pasti akan melibatkan perbelanjaan yang tertentu. Jika disoroti kepada perbincangan ulama fiqh tentang peri hal perkahwinan, isu perbelanjaan bagi persediaan perkahwinan tidak dibahas dalam satu perbincangan yang khusus. Namun begitu, ia secara umumnya telah didekah oleh ulama ketika membincangkan tentang kewajipan membayar mas kahwin dan anjuran mengadakan *walīmah al-‘urs* selepas berlakunya akad nikah yang sah. Kedua-dua elemen ini akan melibatkan perbelanjaan harta daripada pihak pasangan yang akan mendirikan rumah tangga.

Ulama telah bersepakat menyatakan tentang kewajipan pembayaran mas kahwin oleh seorang suami setelah berlaku akad perkahwinan.<sup>62</sup> Pembayaran ini boleh diberi dalam bentuk harta<sup>63</sup> dan juga manfaat.<sup>64</sup> Sekiranya pihak pasangan telah bersetuju untuk membayar dan menerima mas kahwin dalam bentuk harta, pembayaran tersebut boleh dikira sebagai satu bentuk perbelanjaan yang wajib. Pihak suami perlu membelanjakan sesuatu nilai bagi mendapatkan harta untuk diberikan kepada isteri sebagai mas kahwin. Bagi pengendalian *walīmah al-‘urs* pula yang merupakan satu tuntutan sunat di sisi jumhur ulama,<sup>65</sup> ia secara zahirnya amat memerlukan kepada perbelanjaan. Hal ini bertepatan dengan maksud *walīmah* yang merupakan

<sup>61</sup> Muhammad ‘Uqlah, *Nizām al-Uṣrah fī al-Islām*, vol. 2, 17.

<sup>62</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10: 97; al-Mawardī, *al-Hāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 9, 393.

<sup>63</sup> ‘Ala’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas’ūd al-Kasānī, *Badā’i’ al-Sanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 564; Abū al-Barakāt Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Dirdīr, *al-Sharḥ al-Ṣaghīr ‘ala Aqrāb al-Masālik li Madhhāb al-Imām Mālik*, vol. 3 (t.t.p: Matba‘ah ‘Isa al-Bābī al-Halābī wa Shurakāhū, n.d), 206; Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn Ibn Sharf al-Nawawī, *al-Majmu’ Sharḥ Muhadhdhab*, vol. 18 (Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshād n.d), 6; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 99.

<sup>64</sup> Al-Kasānī, *Badā’i’ al-Sanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, vol. 2, 567; Muhammad Ibn Idris al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, vol. 6 (Manṣūrah: Dār al-Wafa’, 2001), 153; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 7, 101.

<sup>65</sup> Al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘ala al-Sharḥ al-Kabīr li Dirdīr*, vol. 2, 337; Al-Khāṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah Ma’āni Alfāz al-Minhāj*, vol. 4, 404; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 192.

satu undangan atau hidangan makanan bagi meraikan sesuatu kegembiraan khususnya perkahwinan.<sup>66</sup> Dalam melaksanakan *walīmah*, pihak pasangan perlulah menyediakan satu hidangan makanan yang menepati uruf pemakanan setempat. Walau pun sajian yang perlu disediakan tidak ditetapkan dalam Islam, namun ia tetap melibatkan peruntukan kewangan, bahkan boleh dikira sebagai satu bentuk ibadat harta kerana melibatkan perbelanjaan daripada pihak yang menganjurkannya.

Dalam membincangkan isu pembayaran mas kahwin dan penganjuran *walīmah al-‘urs* sebagai dua elemen perbelanjaan perkahwinan utama dalam Islam, ulama tidak pernah menjelaskan secara terperinci tentang konsep perbelanjaan tersebut. Namun, secara umumnya Islam amat menganjurkan konsep *al-taysīr* dalam urusan perkahwinan<sup>67</sup> dan tidak pernah menyukarkan bagi sesiapa yang ingin mendirikan rumah tangga. Apa yang dimaksudkan dengan *al-taysīr* dalam perkahwinan adalah menghilangkan sebarang kesukaran dan halangan-halangan kepada pelaksanaan perkahwinan.<sup>68</sup> Konsep *al-taysīr* dalam perkahwinan terserlah pada anjuran penetapan kadar mas kahwin dan pengendalian *walīmah al-‘urs* yang pernah dibimbing oleh Rasulullah SAW. Anjuran memudahkan urusan perbelanjaan ini adalah sebagai satu mekanisme dalam memelihara maruah muda-mudi khususnya yang telah berkeinginan untuk mendirikan rumah tangga agar dapat menghindarkan diri dari gejala negatif dan memenuhi anjuran Rasulullah SAW untuk berkahwin di usia muda. Berikut adalah beberapa bentuk anjuran konsep *al-taysīr* yang telah diketengahkan oleh Islam dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan:

### 1. Perbelanjaan yang Memudahkan

Secara khususnya, perbelanjaan perkahwinan amat mementingkan konsep memudahkan. Islam tidak membebankan mereka yang ingin berkahwin dengan satu perbelanjaan yang berat, malah tidak menggalakkkan perbelanjaan yang terlalu tinggi. Dalam penetapan kadar mas kahwin yang merupakan elemen perbelanjaan wajib dalam perkahwinan, Rasulullah SAW telah memberi panduan kepada pasangan dalam perkara ini melalui sabda baginda:

<sup>66</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 191.

<sup>67</sup> Mahmūd Hasan, *Aḥkām al-Usrah fī al-Islām* (Beirūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 1980), 41.

<sup>68</sup> Amānī ‘Alī al-Mutawallī, *al-Dawābiṭ al-Qanūniyyah wa al-Sharī’ah wa al-Mushkilāt al-‘Ilmiyyah li Anwā’ al-Ḥadīthah li al-Zawāj wa al-Talāq* (Qāhirah: Dār al-Kutub al-Ḥadīth, 2010), 182-183.

### أعظم النساء بركة أيسرهن مؤنة

“Sesungguhnya wanita yang paling diberkati adalah yang paling mudah belanja untuk menikahinya.”<sup>69</sup>

خير النكاح أيسره

“Sebaik-baik perkahwinan adalah yang paling memudahkan.”<sup>70</sup>

Rasulullah SAW telah menjelaskan keberkatan seorang wanita dalam menjalani kehidupan rumah tangga adalah terletak kepada urusan pemberian mas kahwinnya. Wanita yang diberkati adalah apabila mereka memudahkan urusan pembayaran mas kahwin kepada pihak lelaki. Imam al-Shawkānī menjelaskan anjuran perbelanjaan yang mudah dalam hadis tersebut adalah merujuk kepada pemberian mas kahwin yang rendah dan tidak meninggikannya. Perbelanjaan yang mudah ini adalah bagi mengelakkan daripada sebarang kesukaran dalam urusan perkahwinan terutamanya bagi mereka yang telah mempunyai keinginan untuk mendirikan rumah tangga.<sup>71</sup> Sekiranya urusan ini diper mudahkan, mereka yang kurang berkemampuan akan turut boleh mendirikan rumah tangga tanpa sebarang halangan dan akhirnya objektif perkahwinan bagi meramaikan umat Islam akan tercapai. Hadis-hadis ini secara jelasnya telah memaparkan konsep *al-taysīr* dalam urusan perbelanjaan perkahwinan. Apabila perbelanjaan perkahwinan mementingkan unsur mudah, ini bermakna pihak pasangan tidak perlu membebankan dirinya dengan satu bebanan perbelanjaan yang berat. Walaupun begitu konsep mudah bagi setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain. Gambaran *aysar* atau yang paling mudah dalam hadis di atas adalah merujuk kepada sesuatu yang memudahkan pihak lelaki dalam proses berbelanja untuk tujuan perkahwinan tersebut.<sup>72</sup> Setiap lelaki pula mempunyai tahap kesenangan dan kemampuan yang berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Ini bermakna

<sup>69</sup> Hadis riwayat Aḥmad, *Musnad al-Sayyidah ‘Ā’ishah*. Lihat Aḥmad Ibn Hanbāl, *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbāl wa bi Ḥamīshih Muntakhab Kanz al-‘Ammāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl*, vol. 6 (t.t.p: Dār al-Fikr, 1978), 82.

<sup>70</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, *Kitāb al-Nikāh*, Bāb fī man Tazawwaja wa lam yusamm lahā Ṣadaqān Ḥattā Māt, no. hadith 2117. Lihat Abū Dāwūd Sulayman Ibn al-‘Ash‘ath Ibn Ishāq al-Sajistānī, ‘Sunan Abū Dāwūd,’ dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 1379.

<sup>71</sup> Muḥammad Ibn ‘Alī al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqa al-Akhbār*, vol. 6 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1996), 584.

<sup>72</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Azīm Abādī, ‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd wa Ma’ahu Sharḥ Ibn Qayyim, vol. 6 (ed. ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Uthmān; t.t.p.: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1979), 152.

jumlah perbelanjaan adalah terpulang kepada tahap kesenangan setiap individu, dan bukan berasaskan nilai yang tertentu.

Bagi merealisasikan maksud hadis yang menganjurkan berbelanja dengan cara yang paling memudahkan pihak pasangan, rata-rata ulama menyarankan kepada pasangan yang akan berkahwin agar menetapkan mas kahwin dengan kadar yang sederhana dan tidak melampau. Ukuran sederhana adalah terletak antara perbelanjaan yang boros dan bakhil.<sup>73</sup> Menurut Imam al-Shāfi’ī, bersederhana dalam urusan menetapkan kadar mas kahwin adalah lebih baik daripada meninggikannya.<sup>74</sup> Meskipun sebahagian ulama berpandangan hukum meninggikan mas kahwin adalah harus,<sup>75</sup> namun penetapan secara *al-mughālāh* iaitu dengan kadar yang terlalu tinggi adalah satu perkara yang tidak digalakkkan dalam Islam. Menurut Ibn Qudāmah dan al-Ghazzālī, adalah sunat bagi pasangan yang ingin berkahwin untuk tidak menetapkan mas kahwin dengan kadar yang tinggi.<sup>76</sup>

Galakan memudahkan urusan perbelanjaan perkahwinan dengan mementingkan konsep bersederhana dan tidak menetapkan kadar yang melampau dalam Islam sebenarnya bertujuan untuk memudahkan urusan perkahwinan masyarakat muslim. Penentuan kadar mas kahwin yang tinggi contohnya boleh mengundang pelbagai masalah dalam masyarakat. Ia merupakan salah satu punca kepada berkurangnya kadar pertumbuhan perkahwinan dan berleluasanya masalah sosial yang lain termasuk masalah perzinaan dan pergaulan bebas.<sup>77</sup> Walaupun antara hikmah kewajipan pemberian mas kahwin adalah sebagai lambang kesungguhan seorang lelaki untuk memperisterikan seorang wanita,<sup>78</sup> namun kadar penetapannya bukan sebagai pengukur kepada tahap kebertanggungjawaban seorang suami. Ini kerana apa yang dimaksudkan dengan lambang kesungguhan adalah sebagai satu tanda persedian seorang suami untuk menempuh alam perkahwinan dan melaksanakan tanggungjawab. Banyak atau sedikit kadar yang diberikan bukan merupakan penentu aras tahap kebertanggungjawaban dan kecuaian

<sup>73</sup> Surtahman Kastin Hassan & Sanep Ahmad, *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 77.

<sup>74</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ Muhadhdhab*, vol. 18, 8.

<sup>75</sup> Jasim Ibn Muhammad al-Yasin, *Min Qadāyā al-Zawāj: al-Mahr - al-Khiṭbah - Zīnah al-Sya‘r* (Qāhirah: Dār al-Wafā’, 1992), 72.

<sup>76</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 101; Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī, *al-Wasiṭ fī al-Madhab*, vol. 5 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1997), 216.

<sup>77</sup> Sayf Ibn Rashīd al-Jabiri, *Mahr al-Zawjat Bayna al-Shari‘ah wa al-‘Ādah* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 32.

<sup>78</sup> Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī ‘ala Madhab al-Imām al-Shāfi’ī*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Shamīyyah, 1998), 72.

seorang suami.<sup>79</sup> Ini bermakna, bagi mencapai hikmah atau tujuan pemberian mas kahwin dalam Islam, seorang suami tidak perlu menetapkan kadar mas kahwin yang terlalu tinggi.

## 2. Perbelanjaan Mengikut Tahap Kemampuan

Perbelanjaan mengikut tahap kemampuan individu adalah satu tuntutan dalam Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

لَا يُكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

*“Sesungguhnya Allah tidak membebani kamu melainkan pada apa yang kamu mampu.”*

(Surah al-Baqarah 2: 286)

Dalam elemen perbelanjaan mas kahwin, perkara ini dapat dilihat apabila Islam tidak menetapkan kadar yang khusus pada kadar pembayarannya. Walau pun ia merupakan perbelanjaan yang wajib, ia tidak sebagaimana dalam beberapa ibadat harta yang lain termasuk ibadat zakat dan diyat, di mana syarak telah menetapkan kadar yang khusus pada pembayarannya. Ulama fiqh bersepakat menyatakan mas kahwin tidak mempunyai sebarang had maksimum. Ia boleh diletakkan dengan apa-apa kadar, walau tinggi mana sekali pun.<sup>80</sup> Dari aspek had minimum pula, hanya ulama mazhab Hanafi dan Maliki sahaja yang menetapkannya.<sup>81</sup> Namun, walau pun mereka membataskan had minimum, ini tidak bermakna mereka menentukan kadar yang khusus padanya. Mereka masih memberi kebebasan dalam isu penetapan kadar mas kahwin, cuma kadar tersebut tidak boleh mengurangi batasan minimum yang telah ditetapkan. Kebebasan ini adalah bagi memberi ruang kepada pasangan yang berkahwin untuk menetapkannya berdasarkan kepada tahap kemampuan masing-masing. Bagi mereka yang berkemampuan, adalah tidak salah untuk menetapkannya dengan kadar yang tinggi, dan begitu juga dengan mereka yang kurang berkemampuan, adalah tidak salah untuk menetapkannya dengan

<sup>79</sup> Amānī ‘Alī al-Mutawallī, *al-Dawābiṭ al-Qanūniyyah wa al-Sharī’ah wa al-Mushkilāt al-‘Ilmiyyah li Anwā’ al-Hadīthah li al-Zawāj wa al-Talāq*, 185.

<sup>80</sup> Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rushd al-Qurṭubī, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*, vol. 2 (Beirût: Dār al-Ma‘rifah, 1982), 18; al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ Muhadhdhab*, vol. 18, 7; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 99.

<sup>81</sup> Al-Kasānī, *Badā'i’ al-Ṣanā'i’ fī Tartīb al-Sharā'i’*, vol. 2, 561; Muḥammad al-Zarqānī, *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā Muwatta’ al-Imām Mālik*, vol. 3 (Beirût: Dār al-Fikr, n.d), 133.

kadar yang rendah selagi mana ia menepati syarat-syarat harta yang telah ditentukan oleh ulama.

Anjuran berbelanja mengikut tahap kemampuan juga dapat dilihat apabila Rasulullah SAW telah menentukan bacaan al-Quran sebagai mas kahwin bagi seorang lelaki yang ingin dinikahkan oleh baginda dengan seorang perempuan yang pernah disebut sebagai “*al-wāhibah*”. Dalam kisah tersebut, pada peringkat awal Rasulullah SAW telah menanyakan lelaki itu apakah harta yang dimilikinya yang sesuai dijadikan mas kahwin. Setelah lelaki tersebut menyatakan tidak mempunyai apa-apa, baginda memerintahkannya untuk mencari apa-apa yang sesuai bagi dijadikan mas kahwin walau pun hanya dengan sebentuk cincin besi. Lelaki itu turut mengakui tidak mempunyai sebarang harta. Kemudian, Rasulullah SAW telah menanyakan adakah dia menghafal sebarang ayat al-Quran. Setelah membaca beberapa potong ayat al-Quran, baginda telah menikahkan lelaki tersebut dengan apa yang dibaca olehnya.<sup>82</sup> Langkah Rasulullah SAW menanyakan lelaki tersebut dari satu peringkat ke satu peringkat adalah bertujuan untuk mengetahui apakah bentuk harta yang dimiliki oleh lelaki itu. Setelah baginda mengetahui tahap kemampuannya yang tidak memiliki apa-apa ketika itu, baginda terus menikahkan lelaki tersebut dengan mas kahwin yang bukan berbentuk harta, iaitu manfaat dari bacaan al-Quran.

Rasulullah SAW bukan sahaja mengajar umatnya berbelanja mengikut tahap kemampuan, malah baginda tidak menyukai orang yang kurang mampu membebankan dirinya sendiri dengan perbelanjaan yang tinggi. Baginda pernah menegur seorang lelaki yang berkahwin dengan mas kahwin sebanyak empat *awāq*, iaitu menyamai 160 dirham dengan sabdanya:

علي أربع أواق؟ كأنما تتحتون الفضة من عرض هذا الجبل، ما عندنا ما نعطيك، ولكن عسى أن نبعثك في بعث تصيب منه

“Dengan 4 awāq? Seolah-olah engkau sedang mengukir perak pada permukaan gunung ini. Kami tidak mempunyai sesuatu untuk diberikan kepada kamu, tetapi mudah-mudahan kami dapat mengutus rombongan bersamamu untuk memberi bantuan.”<sup>83</sup>

<sup>82</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bāri bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 9, 148.

<sup>83</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nadb man Arad Imra’ah ila an Yanzur ilā Wajhihā wa Kaffayhā Qabl Khitbatihā, no. Hadith 3486. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Hujjaj Ibn Muslim, ‘Ṣaḥīḥ Muslim,’ dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif*, 914.

Hadis di atas telah menggambarkan Rasulullah SAW tidak menggalakkan mereka yang ingin berkahwin membayar mas kahwin dengan kadar yang tidak mampu dibayar olehnya. Berdasarkan hadis ini, Imam al-Nawawī menyatakan adalah makruh bagi seseorang lelaki membayar mas kahwin kepada isterinya dengan kadar yang melebihi tahap kemampuan diirinya sendiri.<sup>84</sup> Ini kerana ia akan menyukar pihak suami untuk memenuhi bayaran tersebut. Pembayaran itu seolah-olah membebankan seseorang pada sesuatu kewajipan yang tidak pernah dibebankan oleh syarak dalam penentuan kadar bayarannya.

Konsep berbelanja mengikut kemampuan turut boleh dilihat dalam kategori pembayaran mas kahwin dalam Islam. Mas kahwin boleh dibayar secara *mu’ajjal* (segera) dan *mu’ajjal* (bertangguh). Walaupun ulama fiqh mempunyai pandangan berbeza dalam menentukan syarat bagi pembayaran secara bertangguh,<sup>85</sup> namun secara umumnya mereka membenarkan pembayaran melalui cara tersebut. Keadaan ini memberi ruang kepada individu yang tidak berkemampuan untuk menangguhkan pembayaran mas kahwin pada hari akad nikah. Pembayaran tersebut mungkin boleh dilakukan secara ansuran, atau bertangguh secara keseluhurannya. Bagi mazhab Shāfi’ī, pembayaran bertangguh sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya adalah satu perkara yang diharuskan.<sup>86</sup>

Seterusnya, konsep berbelanja mengikut tahap kemampuan turut terserlah pada anjuran pengendalian *walīmah al-‘urs*. Dalam menyediakan hidangan untuk *walīmah al-‘urs*, ulama fiqh tidak pernah menetapkan bentuk dan kadarnya yang tertentu. Ia boleh dilakukan dengan menyediakan apa-apa bentuk hidangan yang harus pada pandangan syarak sama ada berbentuk makanan mahu pun minuman.<sup>87</sup> Ini bermakna hidangan tersebut tidak mempunyai kadar tertentu, malah tiada kadar minimum dan maksimum. Pengatur bebas dalam menyediakan hidangan untuk *walīmah*. Ia bagi memberi ruang kepada semua pasangan yang baharu berkahwin sama ada daripada kalangan orang senang atau orang susah untuk mengadakan *walīmah* mengikut tahap kemampuan masing-masing. Bersesuaian dengan hukum *walīmah* yang dinyatakan oleh

<sup>84</sup> Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn Ibn Sharf al-Nawawī, *Sahīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, vol. 9 (t.t.p: Maktabah al-Ṣafa, n.d), 197.

<sup>85</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, vol. 4 (Qāhirah: Dār al-Manār, 1999), 126.

<sup>86</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ Muhadhdhab*, vol. 18, 9.

<sup>87</sup> Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj ila Sharḥ al-Minhāj*, vol. 6 (Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, 1967), 370.

jumhur ulama sebagai satu amalan sunat,<sup>88</sup> Islam tidak membebankan umatnya dengan menentukan bentuk dan kadar sajian tersebut. Ia bergantung kepada kemampuan dan uruf masyarakat setempat. Walaupun Rasulullah SAW pernah menggambarkan “seekor kambing” dalam hadisnya berkaitan *walīmah* kepada ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Awf,<sup>89</sup> namun ia bukan merupakan ukuran utama dalam menentukan kadar *walīmah*. Ini dapat dilihat apabila baginda menyediakan sajian berasaskan daging kambing hanya ketika mengadakan *walīmah* sempena perkahwinan dengan Saidatina Zaynab sahaja.<sup>90</sup> Ada pun bagi isteri-isteri lain, baginda tidak menyajikan sajian tersebut.

Penentuan kadar sedikit mahu pun banyak dalam *walīmah* adalah bergantung kepada kemampuan setiap individu. Ini bertepatan dengan tujuan atau hikmah penganjuran *walīmah* iaitu sebagai lambang kesyukuran di atas nikmat perkahwinan. Kesyukuran itu sewajarnya diterjemahkan dengan melakukan sesuatu yang menyenangkan hati, dan bukan dengan satu bentuk penetapan yang tertentu. Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalānī, mereka yang ingin melakukan *walīmah* disunatkan agar menyediakan makanan mengikut tahap kemampuan.<sup>91</sup> Rasulullah SAW sendiri melakukan *walīmah al-‘urs* mengikut tahap kemampuan baginda.<sup>92</sup> Baginda pernah menyajikan *hays* ketika mengadakan *walīmah* untuk Saidatina Safiyyah bint Huyayy<sup>93</sup> yang diadakan dalam perjalanan pulang dari perang Khaibar. *Hays* ialah sejenis makanan yang diadun dari buah kurma, keju dan minyak sapi.<sup>94</sup> Ia merupakan sejenis makanan yang agak ringkas dari sudut perbelanjaan untuk menyediakannya, berbanding dengan hidangan berasaskan daging. Hidangan yang disediakan

<sup>88</sup> Al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr li Dirdīr*, vol. 2, 337; al-Khāṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Ma’āni Alfāz al-Minhāj*, vol. 4, 404; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 10, 192.

<sup>89</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Walīmah wa law bi al-Shah, no. Hadīth 5167. Lihat al-Bukhārī, ‘Ṣahīḥ al-Bukhārī’, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 447.

<sup>90</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Awlam ‘ala Ba‘d Nisā’ihi Akthar min Ba‘d, no. Hadīth 5171. Lihat al-Bukhārī, ‘Ṣahīḥ al-Bukhārī’, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Awlam ‘ala Ba‘d Nisā’ihi Akthar min Ba‘d, no. Ḥadīth 5171. Lihat al-Bukhārī, ‘Ṣahīḥ al-Bukhārī’, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 447.

<sup>91</sup> Ibn Hajar, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, vol. 9, 189.

<sup>92</sup> Rafīf ‘Abd al-‘Azīz al-Sibbagh, ‘Ḥafl al-Zifāf fī al-Fiqh al-Islāmī Ḏawābiṭuh wa Aḥkāmuḥ,’ (Tesis Sarjana, Universiti Damsyiq, Syiria, 2004), 23.

<sup>93</sup> Ibn Hajar, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, vol. 7, 680.

<sup>94</sup> Ibn Hajar, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, vol. 9, 653.

oleh Rasulullah SAW dalam kisah ini adalah bersesuaian dengan kesukaran baginda yang masih berada dalam keadaan musafir.<sup>95</sup>

Selain elemen perbelanjaan mas kahwin dan *walīmah al-‘urs*, konsep berbelanja mengikut tahap kemampuan turut dapat dilihat dalam persiapan pasangan dalam meraikan majlis perkahwinan. Sebagai agama yang syumul, Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk bergembira sempena perkahwinan mereka.<sup>96</sup> Pasangan dibenarkan untuk membuat pelbagai persiapan bagi majlis perkahwinan agar kegembiraan dapat dirasai. Antaranya ialah anjuran berhias kepada pasangan perempuan. Saidatina ‘Ā’ishah ketika kali pertama ingin diserahkan kepada Rasulullah SAW, telah dihias oleh sekumpulan wanita.<sup>97</sup> Namun persiapan seperti ini turut mementingkan unsur kemampuan. Pasangan tidak perlu membebangkan diri dengan mengeluarkan belanja luar daripada batasan kemampuan, hanya semata untuk tujuan tersebut. Perkara ini pernah ditunjukkan oleh Saidatina ‘Ā’ishah sendiri apabila hanya meminjam barang kemas berbentuk kalung dari Saidatina Asmā’ untuk dijadikan perhiasan sempena hari perkahwinan beliau dengan Rasulullah SAW.<sup>98</sup>

Apa yang dianjurkan dalam hal berkaitan berbelanja mengikut tahap kemampuan pada asasnya telah menggambarkan kewujudan unsur *al-taysīr* dalam pengurusan perkahwinan. Melalui anjuran tersebut, setiap individu yang telah mencapai tahap kemampuan dari aspek harta dan fizikal dalam soal perkahwinan mempunyai ruang untuk berkahwin tanpa sebarang halangan. Kekurangan pemilikan harta bagi individu tidak dipandang sebagai alasan untuk menolak perkahwinan, selagi mana harta itu telah mencukupi untuk tujuan perkahwinan. Apabila konsep ini diterapkan dalam perbelanjaan perkahwinan, urusan perkahwinan akan menjadi lebih mudah dan seterusnya ia lebih menggalakkan pemuda pemudi untuk berkahwin.

### 3. Galakan Bekerjasama

Dalam melakukan perkara kebaikan termasuklah urusan perkahwinan, Islam sememangnya menggalakkan konsep kerjasama sesama muslim agar apa yang ingin dilaksanakan dapat dicapai dengan sebaiknya. Bagi menguruskan perbelanjaan perkahwinan, adalah tidak menjadi satu kesalahan kepada ahli

<sup>95</sup> Al-Sibbagh, *Haft al-Zifāf fī al-Fiqh al-Islāmī Dawābiṭuh wa Aḥkāmuḥ*, 23.

<sup>96</sup> Muhammad ‘Uqlah, *Niẓām al-Usrah fī al-Islām*, vol. 1, 403.

<sup>97</sup> Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, vol. 9, 192.

<sup>98</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 9, 179.

keluarga dan sahabat handai kepada pasangan yang ingin berkahwin untuk menghulurkan bantuan dalam apa-apa bentuk bagi meringankan bebanan perbelanjaan tersebut. Sirah perkahwinan Rasulullah SAW dengan isteri-isteri baginda telah memaparkan beberapa kisah yang menunjukkan wujudnya konsep tolong menolong dan kerjasama oleh sahabat dan mereka yang berada di sekeliling baginda ketika baginda mengadakan *walīmah al-‘urs*. Antara kisah yang telah diriwayatkan adalah ketika perkahwinan baginda dengan Zaynab binti Jahsh dan Safiyyah binti Huyayy. Anas bin Mālik telah meriwayatkan setelah Rasulullah SAW mengahwini Saidatina Zaynab bint Jahsh:

فَصَنَعْتُ أُمِّيْ أُمِّ سَلَيْمٍ حِيْسَا فَجَعَلْتَهُ فِي تُورٍ. فَقَالَتْ: يَا أَنْسٌ! اذْهَبْ بِهِذَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَلَّ بَعْثَتْ بِهِذَا إِلَيْكَ أُمِّيْ، وَهِيَ تَقْرَئُكَ السَّلَامَ. وَتَقُولُ: إِنَّ هَذَا لَكَ مِنَا قَلِيلٌ، يَا رَسُولَ اللَّهِ! قَالَ: فَذَهَبَتْ بِهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَلَّتْ إِنَّ أُمِّيَّ تَقْرَئُكَ السَّلَامَ وَتَقُولُ: إِنَّ هَذَا لَكَ مِنَا قَلِيلٌ، يَا رَسُولَ اللَّهِ! قَالَ: "ضَعْهُمْ قَالَ: "اذْهَبْ فَادْعُ لِيْ فَلَانَا، وَمِنْ لَقِيْتَ

*Ibuku Umm Sulaym telah membuat hays dan dia telah meletakkannya di dalam sebuah bekas. Lalu dia berkata: “Wahai Anas, bawalah makanan ini kepada Rasulullah SAW dan katakanlah kepada baginda, ibu saya telah mengirimkan kepadamu dan dia menyampaikan salam kepadamu. Umm Sulaym berkata, ini adalah untuk kamu wahai Rasulullah sedikit makanan dari kami”. Kemudian aku pergi bertemu Rasulullah SAW dan berkata: “Ibuku menyampaikan salam kepadamu, dan dia berkata, ini adalah untuk kamu wahai Rasulullah sedikit makanan dari kami”. Sabda Rasulullah SAW: “letakkanlah ia”, kemudian baginda bersabda lagi: “pergilah dan undangkan untukku si fulan dan si fulan, dan setiap orang yang kamu jumpa.”<sup>99</sup>*

Kisah ini telah memaparkan bagaimana Umm Sulaym telah membantu Rasulullah SAW ketika baginda ingin mengadakan *walīmah* sempena perkahwinan baginda dengan Saidatina Zaynab. Ini menunjukkan kerjasama dalam mengadakan *walīmah al-‘urs* adalah satu anjuran khusus dalam Islam. Imam Al-Nawawī dalam mengulas hadis ini menyatakan adalah sunat bagi sahabat handai kepada pasangan untuk menghulurkan sebarang bentuk makanan dan hidangan bagi tujuan mengadakan *walīmah al-‘urs*.<sup>100</sup> Bantuan

<sup>99</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Zawāj Zaynab bint Jahsh wa Nuzūl al-Hijāb wa Ithbāt Walīmah al-‘Urs, no. hadith 3507. Lihat Muslim, ‘Ṣaḥīḥ Muslim’, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 917.

<sup>100</sup> Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, vol. 9, 213.

yang dihulurkan oleh kaum keluarga, jiran dan sahabat handai yang mempunyai kemampuan dari segi harta ini adalah melambangkan tanda kasih sayang dan berkongsi kegembiraan dengan pasangan yang berkahwin.<sup>101</sup>

Jika dalam kisah di atas, Umm Sulaym telah menghulurkan bantuan kepada Rasulullah SAW, dalam kisah perkahwinan baginda dengan Saidatina Ṣāfiyyah binti Ḥuyayy pula, baginda diriwayatkan telah menyeru sahabat-sahabat baginda untuk bersama-sama dalam menyediakan hidangan untuk *walīmah*. Saidina Anas meriwayatkan:

حتى إذا كان بالطريق جهزها له أم سليم، فأهداه لها من الليل، فأصبح  
من النبي صلى الله عليه وسلم عروسها، فقال: "من كان عنده شيء فليجيء  
به". قال وبسط نطعاً. قال: فجعل الرجل يجيء بالأقط، وجعل الرجل يجيء  
بالتمر، وجعل الرجل يجيء بالسمن، فphasوا حيساً، فكانت وليمة رسول الله  
صلى الله عليه وسلم

*Ketika dalam perjalanan pulang, Umm Sulaym mempersiapkan Ṣāfiyyah untuk perkahwinannya dengan nabi, kemudian beliau diserahkan kepada nabi pada malam itu. Maka pada keesokan paginya, nabi telah menjadi seorang mempelai, lalu bersabda: "Sesiapa yang mempunyai sedikit makanan, hendaklah dibawa." Lalu ditebarkan sebidang tikar dari kulit. Ada yang membawa keju, ada yang membawa kurma dan ada yang membawa minyak sapi. Kesemuanya diadun dan itulah jamuan Rasulullah SAW.*<sup>102</sup>

Hadis di atas secara jelas telah mengisahkan bagaimana Rasulullah SAW telah menunjukkan keperluan konsep kerjasama dalam mengadakan *walīmah*. Walau pun baginda ketika itu merupakan pemimpin tertinggi kepada masyarakat, baginda tidak segan untuk menyatakan kepada sahabat-sahabat sekeliling agar membawa makanan sempena *walīmah* baginda dengan Saidatina Ṣāfiyyah binti Ḥuyayy. Hadis ini secara khususnya telah menunjukkan anjuran konsep tolong menolong dalam urusan mengadakan *walīmah*.<sup>103</sup> Melalui bantuan dan kerjasama ahli keluarga dan sahabat handai, anjuran *walīmah al-urs* serba sedikit akan lebih meringankan pihak pasangan. Memandangkan *walīmah al-'urs* merupakan tatacara perkahwinan yang secara langsung melibatkan perbelanjaan kerana perlu menyediakan hidangan kepada tetamu, ia sudah pasti

<sup>101</sup> ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Adab al-Khiṭbah wa al-Zīfāf wa Huqūq al-Zawjāyn* (Qāhirah: Dār al-Salām, 1983), 105.

<sup>102</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Fadilah ‘Itaqihi Ammatahu thumma Yatawwajuha, no. Ḥadīth 3497. Lihat Muslim, ‘Ṣaḥīḥ Muslim’, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārij*, 916.

<sup>103</sup> Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, vol. 9, 206.

memerlukan kepada kos yang agak besar bergantung kepada adat hidangan masyarakat tempatan. Jika dilihat pada kisah *walīmah* Rasulullah SAW, bersesuaian dengan adat hidangan masyarakat Arab ketika itu, para sahabat telah membawa bahan-bahan untuk penyediaan *hays* seperti kurma dan keju. Jika dibandingkan dengan adat hidangan masyarakat tempatan masa kini, ia mungkin tidak sesuai dengan *walīmah* masyarakat Melayu. Justeru, bentuk bantuan adalah bergantung kepada adat dan budaya pemakanan masyarakat tempatan.

Melalui konsep bekerjasama dalam menguruskan hal perkahwinan, bebanan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pasangan akan menjadi lebih ringan. Walau pun pada asasnya perbelanjaan ini perlu ditanggung oleh pihak yang akan berkahwin, namun bantuan yang dihulurkan sama ada berbentuk fizikal mahu pun material oleh masyarakat sekeliling semakin memudahkan urusan mereka untuk berkahwin. Konsep ini bukan sahaja meringankan bebanan perbelanjaan perkahwinan, malah dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara keluarga dan jiran tetangga.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan perkahwinan yang dibawa oleh Islam telah menyaksikan kaedah berbelanja yang amat sesuai diaplikasikan oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin. Meskipun perbincangan konsep ini lebih berasaskan kepada elemen perbelanjaan utama dalam perkahwinan iaitu mas kahwin dan *walīmah al-'urs*, namun ia sewajarnya diaplikasikan dalam segala bentuk elemen perbelanjaan perkahwinan yang lain. Realitinya corak perbelanjaan perkahwinan masa ini bukan hanya tertumpu kepada elemen mas kahwin dan *walīmah al-'urs* sahaja, malah terdapat pelbagai elemen perbelanjaan lain yang tidak pernah dibincangkan oleh ulama fiqh, dan tidak pernah dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW serta para sahabat. Elemen-elemen yang dimaksudkan itu lebih kepada amalan adat dan budaya masyarakat setempat, termasuk elemen hantaran berbentuk hadiah bermula dari proses merisik, bertunang sehingga ke majlis perkahwinan, duit hantaran, pelbagai persiapan untuk majlis perkahwinan dan sebagainya. Perbelanjaan-perbelanjaan seperti itu adalah tidak salah selagi mana adat tersebut tidak menyanggahi hukum syarak dan sekiranya konsep *al-taysīr* diterapkan dalam pengurusan perbelanjaannya.

Dalam memastikan konsep *al-taysīr* benar-benar diterap dalam perbelanjaan perkahwinan, pasangan yang ingin berkahwin perlu menjadikan tiga anjuran utama yang dibincangkan sebelum ini iaitu memudahkan belanja, belanja ikut kemampuan dan bekerjasama sebagai teras utama ketika mengatur dan

mengurus perbelanjaan tersebut. Antara perkara yang boleh diketengahkan bagi mengaplikasi konsep ini adalah:

- 1) Tidak memperuntukkan belanja yang terlalu tinggi untuk mas kahwin, wang hantaran, dan apa-apa bentuk pemberian yang lain seperti hadiah pertunangan, barang hantaran dan sebagainya.
- 2) Mengurangkan elemen perbelanjaan perkahwinan berbentuk adat sekiranya ia satu perkara yang menyusahkan.
- 3) Mengenalpasti tahap kemampuan diri sebelum membuat keputusan untuk peruntukan perbelanjaan.
- 4) Elakkkan daripada berhutang terutamanya bagi menampung elemen perbelanjaan yang tidak melibatkan tuntutan syarak.
- 5) Mengadakan majlis *walīmah* secara gotong royong sesama masyarakat setempat atau *walīmah* secara berkumpulan sesama pasangan.
- 6) Menggalakkan masyarakat untuk menghulurkan bantuan kepada pasangan yang ingin berkahwin dalam pelbagai bentuk bantuan, termasuk tenaga, wang dan masa.

Melalui amalan berbelanja secara sederhana, mengikut tahap kemampuan dan bekerjasama, masyarakat diharapkan mampu mengurus perbelanjaan perkahwinan mereka mengikut kehendak Islam, dan terhindar dari masalah berhutang, kahwin lewat dan sebagainya. Apa yang lebih penting, melalui pendekatan konsep ini, masyarakat lebih terdedah kepada kedudukan perkahwinan yang sebenarnya dalam Islam sebagai ibadat yang amat digalakkan dan dipermudahkan urusannya. Ia tidak seharusnya dianggap sebagai satu amalan yang sukar dan membebankan.

## PENUTUP

Penerapan konsep *al-taysīr* dalam perbelanjaan perkahwinan yang telah dibawa dalam Islam berdasarkan kepada konsep pensyariatan pemberian mas kahwin dan *walīmah al-‘urs* sewajarnya diperluaskan dalam segala bentuk perbelanjaan yang melibatkan urusan perkahwinan. Melalui tiga pendekatan utama yang dibentangkan di atas, perbelanjaan perkahwinan tidak lagi dianggap sebagai satu bebanan utama kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga. Konsep ini perlu dihayati dan seterusnya diterap dalam amalan perkahwinan masa kini, sebagai satu langkah untuk menggalakkan perkahwinan di usia muda, dan mengurangkan kesan bebanan perbelanjaan perkahwinan yang semakin meruncing. Setiap lapisan masyarakat yang terdiri daripada individu

pasangan, pihak keluarga, masyarakat setempat dan pihak kerajaan perlu bekerjasama dalam memastikan konsep ini benar-benar diamalkan dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan.

## RUJUKAN

- ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Muhādarah fī al-Sharī’ah al-Islāmīyyah wa Fiqhuhā wa Maṣādiruhā* (t.t.p: Dār al-Salām, 1990).
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2009).
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī’ah al-Islāmīyyah* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2000).
- Al-‘Azīm Abādī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqqa, ‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd wa Ma‘ahu Sharḥ Ibn Qayyim (ed. ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Uthmān; t.t.p: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1979).
- Abū ‘Atā’, Anas Muṣṭafā, ‘Miqdār al-Mahr wa Sultāh Walī al-Amr fī Tahdīdih: Dirāsaḥ Fiqhiyyah,’ *Jurnal al-Mannārah* 12/3 (2006).
- Abū Dāwūd, Sulayman Ibn al-‘Ash‘ath Ibn Iṣhāq al-Sajistānī, ‘Sunan Abū Dāwūd,’ dalam Ṣalīḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (ed.), *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif* (Riyād: Dār al-Salām, 2000).
- Abū al-Fidā’ al-Hafīz Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1998).
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, *Money Sense Getting Smart with Your Money* (Kuala Lumpur: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2008).
- Aḥmad Ibn Hanbāl, *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbal wa bi Hamīshih Muntakhab Kanz al-‘Ammāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl* (t.t.p: Dār al-Fikr, 1978).
- Amānī ‘Alī al-Mutawallī, *al-Dawābiṭ al-Qanūniyyah wa al-Sharī’ah wa al-Mushkilāt al-‘Ilmiyyah li Anwa’ al-Hadīthah li al-Zawāj wa al-Ṭalāq* (Qāhirah: Dār al-Kutub al-Ḥadīth, 2010).
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā’īl, ‘Ṣahīḥ al-Bukhārī,’ dalam Ṣalīḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (ed.), *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif* (Riyād: Dār al-Salām, 2000).
- Al-Dirdīr, Abū al-Barakāt Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad, *al-Sharḥ al-Ṣaghīr ‘ala Aqrāb al-Masālik ila Madhhab al-Imām Mālik* (t.t.p: Matba‘ah ‘Isa al-Bābī al-Halābī wa Shurakahu, n.d.).

- Al-Dusūqī, Shams al-Dīn Muḥammad *Hāshiyah al-Dusūqī ‘ala al-Sharḥ al-Kabīr li Dirdīr* (t.t.p: ‘Isā al-Bābī al-Halābī, t.t.).
- Faraj ‘Alī al-Faqīh Husayn, *Mazāhir al-Taysīr wa Raf‘ al-Haraj fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Damshiq: Dār Qutaybah, 2005).
- Fatimah Abdullah, ‘Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan,’ *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27/1 (June-December 2009).
- Fayiz Fayiz al-Tamr, ‘Takālif al-Zawāj wa Takwīn al-Usrah fī Madīnah al-Damshiq: Dirāsah Maydaniyyah,’ (Tesis Sarjana, Universiti Damshiq, 2005).
- Francis Bloch, Vijayendra Rao dan Sonalde Desai, ‘Wedding Celebrations as Conspicuous Consumption: Signaling Social Status in Rural India,’ *Journal of Human Resources* 39/3 (Sum 2004).
- Al-Ghazalī, Muḥammad Ibn Muḥammad, *al-Wasīt fī al-Madhab* (Qāhirah: Dār al-Salām, 1997).
- Al-Ghazalī, Muḥammad Ibn Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Qāhirah: Maktabah al-Misr, 1998).
- Al-Ḥafnawī Mansūr Muḥammad Mansūr, *al-Taysīr fi al-Tashrī‘ al-Islāmī* (Qāhirah: Matba‘ah al-Amānah, 1991).
- Halimah Abdul Rahman, *Pegangan Adat Turun Temurun* (Kuala Lumpur: Penerbit Sinar Cemerlang, 2010).
- ‘Hantaran Kahwin Tinggi Punca Ramai Membujang,’ *Kosmo*, 10 Ogos 2013.
- Haslina Hassan dan Ann Wan Seng, *Wanita dan Perkahwinan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).
- Ibn ‘Ashur, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (ed. Muḥammad al-Ṭāhir al-Maysawi; ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 2001).
- Ibn Hajar al-Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (ed. ‘Abd al-‘Azīz Bāz dan Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī; Qāhirah: Maktabah Misr, 2001).
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ al-Hāfiẓ, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1998).
- Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukrim, *Lisān al-‘Arab* (Beirūt: Dār al-Sadir, t.t.).
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* (ed. ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turki dan ‘Abd al-Fattah Muḥammad al-Halw; Riyāḍ: Dār ‘Alam al-Kutub, 1997).
- Ibn Rushd al-Qurṭubī, Muḥammad Ibn Aḥmad, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1982).

- Iman Al̄mad, *Adat Budaya* (Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise, 2010).
- Al-Jabīrī, Sayf Ibn Rashīd, *Mahr al-Zawjāt Bayna al-Sharī'ah wa al-'Ādah* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008).
- Jalila Hajji, 'A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions and Modernity: The Role of Women in The Preparations,' (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008).
- Jāsim Ibn Muḥammad al-Yāsīn, *Min Qadāyā al-Zawāj: al-Mahr - al-Khiṭbah - Zīnah al-Sya'r* (Qāhirah: Dār al-Wafā', 1992).
- Al-Jazīrī, 'Abd al-Rahmān, *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah* (Qāhirah: Dār al-Manar, 1999).
- Al-Kassānī, 'Ala' al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas'ūd, *Badā'i' al-Šanā'i' fi Tartīb al-Sharā'i'* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000).
- Al-Khāṭib al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).
- Al-Khin, Muṣṭafā, al-Bughā, Muṣṭafā dan al-Sharbijī, 'Alī, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt: Dār al-Shāmiyyah, 1998).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>, 13 Mac 2013.
- Luqmān 'Abd al-Salām, *al-Taysīr fī al-Ijtihād wa al-Iftā'*: Fahmuhū wa Dawābiṭuhū 'alā Daw' al-Kitāb wa al-Sunnah: Dirāsah Taṭbīqiyyah 'ala Daw' Ba'd al-Qadāyā al-Mu'āsirah, (Kertas kerja dibentangkan dalam Mu'tamar al-'Alamī an al-Ijtihād wa al-Iftā' fī al-Qarn al-Hādī wa al-'Isyirin: Tahaddiyyat wa Afaq di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, 12-14 Ogos 2008).
- Mahmūd Hasan, *Aḥkām al-Usrah fī al-Islām* (Beirūt: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1980).
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999).
- Muhammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm* (Qāhirah: Dār al-Manār, 1947).
- Muhammad 'Uqlah, *Niẓām al-Usrah fī al-Islām* ('Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, 2000).
- Muhammad al-Zarqānī, *Sharḥ al-Zarqānī 'alā Muwaṭṭa' al-Imām Mālik* (Beirūt: Dār al-Fikr, n.d.).

- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Hajjāj, ‘Ṣahīḥ Muslim,’ dalam Ṣāliḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (ed.), *Mawsū’ah al-Hadīth al-Sharīf* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000).
- Nashwan ‘Abduh Khalid al-Makhlafī & Amin Ahmād al-Nahārī, ‘Asbāb al-Taysīr fi al-Fatwa wa Tatbīqātuhā al-Mu’āsirah,’ *Jurnal Fiqh* 8 (2011).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn Ibn Sharf, *al-Majmū’ Sharḥ Muhadhdhab* (Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshād, t.t.).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn Ibn Sharf, *Ṣahīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (t.t.p: Maktabah al-Ṣafa, t.t.).
- Al-Nawwāb, ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn, *Ta’akhkhūr Sinn al-Zawāj* (Riyāḍ: Dār al-Āsimah, 1415H).
- Al-Nawwāb, ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn, *Taysīr al-Fiqh li al-Muslim al-Mu’āsir fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999).
- Al-Nawwāb, ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn, *Adab al-Khiṭbah wa al-Zifāf wa Huqūq al-Zawjāyin* (Qāhirah: Dār al-Salām, 1983).
- Outcalt, Todd, *Your Beautiful Wedding on Any Budget* (Illinois: Sourcebooks Casablanca, 2009).
- Patricia Drentea, ‘Age Debt and Anxiety,’ *Journal of Health and Social Behavior* 41/ 4 (December 2000).
- ‘Pengantin Dibelenggu Hutang’, *laman AKPK*, <http://www.akpk.org.my/happenings/news/press-release/id/486/pengantin-dibelenggu-hutang>, 11 Disember 2012.
- ‘Pinjam RM85,000 untuk Kahwin,’ *Kosmo*, 11 Ogos 2013.
- Rafīf ‘Abd al-‘Azīz al-Sibbagh, ‘Hafl al-Zifāf fī al-Fiqh al-Islāmī Ḏawābiṭuh wa Āhkāmu,’ (Tesis Sarjana, Universiti Damsyiq, Syiria, 2004).
- Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab, ‘Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak,’ *Jurnal Fiqh* 6 (2009).
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad, *Nihāyat al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa Awlādih, 1967).
- Al-Shāfi’ī, Muḥammad Ibn Idris, *al-Umm* (Manṣūra: Dār al-Wafa’, 2001).
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad, *al-Muwafaqāt* (Jeddah: Dār Ibn ‘Affan, 1997).
- Al-Shawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī, *Nayl al-Awtār min Aḥadīth Sayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār* (Qāhirah: Dār al-Salām, 1996).

Surtahman Kastin Hassan & Sanep Aḥmad, *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān, *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fi Qawā’id wa Furū’ al-Shāfi’īyyah* (ed. Muḥammad Muḥammad Tamir dan Hafiz ‘Ashur Hāfiẓ; Qāhirah: Dār al-Salām, 2004).

‘Umār ‘Abd Allāh Kāmil, *al-Rukhṣah al-Shar‘iyyah fī al-Uṣūl wa al-Qawā’id al-Fiqhiyyah* (Jeddah: al-Maktabah al-Makkiyyah, 1420H).

Vanessa Maher, *Women and Property in Morocco* (Cambridge: Cambridge University Press, 1974).

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Syari’ah Bayna al-Maqāṣid al-Kulliyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz’iyyah* (Qāhirah: Dār al-Shurūq, 2006).

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Taysīr al-Fiqh li al-Muslim al-Mu’āṣir fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999).

Zainunnisaa Abdul Rahman, ‘Mahar in Malaysia: The Law Revisited,’ *Shariah Law Reports* 4 (Oktober Disember 2007).

### **Temu bual**

Saidi Ya’acob (Credit Counsellor, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit cawangan Kuala Terengganu), dalam temu bual bersama beliau, pada 14 Mac 2013.

